From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 4 August, 2022 8:35:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: JADI LEPASAN ASASI KEBANGGAAN UNIVERSITI

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

4 OGOS 2022 / 6 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

JADI LEPASAN ASASI KEBANGGAAN UNIVERSITI













UUM ONLINE: Pelajar baharu program Asasi Pengurusan Sesi 2022/2023 diharapkan dapat menjadi lepasan asasi yang dibanggakan universiti.

Malah, Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah meminta mereka mencontohi alumni asasi yang telah berjaya dan unggul di peringkat sarjana muda UUM.

Beliau berharap bukan sahaja cemerlang akademik, malah menjadi pelajar yang terlibat aktif dengan menyertai aktiviti dalam persatuan pelajar, komuniti dan keusahawanan.

“Manfaatkan peluang yang ada di UUM dengan sebaik mungkin. Ramai alumni asasi yang berjaya merangkul pelbagai anugerah di Majlis Konvokesyen UUM seperti Anugerah Pelajaran Diraja dan Anugerah Pingat Emas Naib Canselor.

“Tokoh-tokoh dan pemimpin pelajar seperti Majlis Perwakilan Pelajar, Majlis Presiden JKPS, presiden persatuan dan kelab juga merupakan produk asasi pengurusan. Pencapaian mereka menjadi ‘benchmark’ kepada pelajar sekalian,” katanya pada Majlis Ikrar Pelajar Baharu Program Asasi Pengurusan di Dewan Seminar Pusat Islam, hari ini.

Haim Hilman berkata, pelajar juga perlu bersyukur kerana terpilih dari kalangan 3,821 yang memohon dan 1,950 dipanggil untuk proses temuduga secara ‘online’ dan akhirnya hanya 363 pelajar cemerlang yang melepasi saringan tersebut sahaja ditawarkan tempat ke program elit ini.

Menurutnya, pelajar tidak akan menyesal kerana UUM merupakan universiti yang terkenal dengan program pengajian pengurusan berkelas dunia dan menyediakan fasiliti yang lengkap kepada pelajarnya.

“Manfaatkan tempoh pengajian selama setahun di sini kerana pogram Asasi Pengurusan memerlukan komitmen yang sangat tinggi dan pelajar perlu lebih berdikari.

“Saya juga tidak menafikan bahawa akan ada cabaran ketika berada di kampus. Namun, pelajar semua tidak bersendirian dan sekiranya mempunyai ada masalah, jangan lari dan pendam. Dapatkan pertolongan daripada pensyarah, mentor, staf di Pusat Asasi Pengurusan, kaunselor atau rakan-rakan. Itulah fungsi keluarga besar UUM,” katanya lagi.

Beliau turut mengingatkan pelajar untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris memandangkan ia merupakan bahasa pengantar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di peringkat asasi dan sarjana muda.

Di samping itu, sentiasa menjaga adab ketika menuntut ilmu serta saling memahami dan menghargai perbezaan dalam kalangan warga kampus yang berlainan bangsa, agama, budaya, latar belakang dan pemikiran.

Bacaan ikrar pada majlis tersebut diketuai Amirul Hafidzi Noor Fadzely.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.